



KENYATAAN MEDIA

YB SENATOR DATO' DR ASYRAF WAJDI BIN DATO' DUSUKI
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

BERKENAAN

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DAN DARUL QURAN JAKIM

BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT UTAMA BANGUNAN CANSELORI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
PADA 14 FEBRUARI 2017

Sebagai memenuhi fungsi sebuah institusi pendidikan yang melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat sosial, maka Darul Quran Jakim telah menandatangani memorandum persefahaman bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

2. Darul Quran merupakan salah satu bahagian di Jakim yang berperanan sebagai sebuah pusat pengajian tinggi tahfiz al-Quran serta mengungguli pendidikan tahfiz al-Quran melalui pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta khidmat masyarakat yang berkaitan dengan pengajian al-Quran. Sementara UPSI adalah sebuah universiti yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan serta memperkukuhkan pengajaran, pembelajaran dan kemampuan penyelidikan.

3. Sehingga kini, Darul Quran Jakim telah menjalinkan kerjasama dengan 14 buah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang bernaung di bawah Jabatan/Yayasan Agama Islam Negeri dan lima buah Institut Pendidikan Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) seperti senarai berikut:

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

Maahad-Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN):

- i. Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH);
- ii. Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Pahang;
- iii. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (MAIK) Kelantan;
- iv. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Negeri Perak;
- v. Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR) Kedah;
- vi. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Guar Jentik Perlis;
- vii. Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang;
- viii. Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN);
- ix. Institut Al-Quran Terengganu (IQT);
- x. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Negeri Sabah;
- xi. Institut Pengajian Islam (INSPI) Kemaman;
- xii. Maahad Tahfiz Al-Quran Masjid Saidina Ali Melaka;
- xiii. Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS); dan
- xiv. Maahad Tahfiz Al Quran Wal-Qiraat Addin, Tapah.

Institut Pendidikan Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS):

- i. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) – Tahun 2000;
- ii. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) – Tahun 2009;
- iii. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) – Tahun 2013; dan
- iv. Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) – Tahun 2013.

4. UPSI merupakan institusi pendidikan yang ke-19 yang telah menandatangani memorandum persefahaman bersama Darul Quran Jakim.

5. Kerjasama antara UPSI dan Darul Quran Jakim ini juga merupakan salah satu Pelan Tindakan Pemerksaan Darul Quran bagi tahun 2015-2019 iaitu melalui Pemerksaan Program Pengajian:

“menggiatkan kerjasama pendidikan dengan Universiti Awam bagi menyediakan alternatif program pengajian kepada pelajar.”

6. Skop kerjasama antara kedua-dua institusi adalah melibatkan bidang-bidang berikut:
- i. Penawaran program pengajian di peringkat Ijazah Pertama bagi menyambung pengajian ke UPSI;
 - ii. Pengecualian dan pemindahan jam kredit bagi pelajar Darul Quran Jakim bagi mengikuti pengajian ke Peringkat Ijazah Sarjana Muda di UPSI;
 - iii. Pelaksanaan kursus dan latihan bidang pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran kepada pensyarah Darul Quran Jakim;
 - iv. Pembangunan penyelidikan dan penerbitan melalui perkongsian kepakaran, maklumat dan dana penyelidikan;
 - v. Program pertukaran atau pinjaman pensyarah UPSI dan Darul Quran Jakim; dan
 - vi. Program yang melibatkan aktiviti antara pelajar UPSI dan Darul Quran Jakim.
7. Semoga melalui hubungan antara UPSI dan Darul Quran Jakim yang dizahirkan melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini diharapkan dapat memantapkan serta mengembangkan lagi pendidikan tahfiz dalam negara.
8. Sebagai sebuah institusi pendidikan tahfiz yang terulung di bawah kerajaan persekutuan, Darul Quran Jakim sentiasa membuka ruang untuk mana-mana pihak bekerjasama ke arah memartabatkan pendidikan tahfiz di negara ini.

Sekian

SENATOR DATO' DR ASYRAF WAJDI BIN DATO' DUSUKI
14 Februari 2017

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan